

# PERMASALAHAN SOSIAL BELIA MALAYSIA

*Hanina H. Hamsan, Mohamed Dahalan Ibrahim & Norizan Remli*

Golongan belia merupakan generasi pewaris kepemimpinan negara yang menyumbang sebanyak 40 peratus daripada populasi penduduk di Malaysia. Negara komited dengan pembangunan belia dalam negara dan isu berkaitan permasalahan sosial belia negara dengan mengembleng usaha bersama golongan profesional dan ahli-ahli akademik bagi memberi tumpuan untuk mengurangkan keterlibatan belia dalam gejala sosial. Sejak Rancangan Malaysia Ke-9, pendekatan aset (*asset-based approach*) dalam program-program belia menunjukkan kesan positif di mana kajian Indeks Belia Malaysia 2015 menunjukkan peningkatan Indeks daripada 68.7 pada tahun 2006 kepada 71.43 pada tahun 2015. Namun, hanya domain tingkah laku devian dan domain aktiviti senggang melebihi indeks 80. Domain-domain lain menjulat dari 49.34 hingga 78.47 (Indeks Belia Malaysia 2015). Walaupun terdapat peningkatan indeks, namun permasalahan sosial belia masih menyumbang sebahagian isu permasalahan negara. Sehubungan itu, makalah ini berasaskan kajian yang telah dijalankan bagi mencapai objektif berikut: 1). Mengenalpasti pola permasalahan sosial belia masa kini; 2). Mengenalpasti faktor permasalahan sosial belia; 3). Mencadangkan program intervensi hasil dapatan kajian ke arah mengurangkan pembabitan belia di dalam aktiviti yang menjurus permasalahan sosial; dan 4). Mencadang pembentukan modul yang bersesuaian dengan tujuan pembinaan belia ke arah positif dan membina keyakinan diri serta nilai-nilai moral dalam diri belia.

## SOROTAN LITERATUR

Swahn dan Bossarte (2009) menggambarkan belia sebagai kelompok berisiko tinggi sekiranya mereka tinggal di bandar dan dalam komuniti yang terdedah dengan tingkah laku berisiko dan aktiviti jenayah termasuk vandalisme, keganasan dan salah guna dadah. Begitu juga dengan belia yang tinggal dalam komuniti berpendapatan rendah (Auerbach, Kertz & Gardiner, 2012; Peterson, Buser, & Nancy, 2010; Guerrero, Nishimura, Chang, Ona, Vanessa & Hishinuma, 2009). Kajian peringkat tempatan menunjukkan belia berisiko mudah melibatkan diri dengan pelbagai tingkah laku berisiko seperti salah laku seksual dan penyalahgunaan bahan (Harlina, Hanina, Khaidzir & Mohd. Zaki, 2012; Hanina & Mastura, 2010; Cubbin, Santelli, Brindis, & Braveman, 2005). Mengapa ini berlaku? Mungkin disebabkan pendedahan terhadap persekitaran yang memberikan tekanan (*stress*) seperti jenayah dan pengalaman belia sendiri terhadap peristiwa-peristiwa negatif yang sangat memberi kesan kepada emosi (*negative significant emotional event*). Lebih-lebih lagi mereka yang tidak mempunyai kekuatan dan kemahiran dalaman untuk berdaya tindak dalam peristiwa yang dihadapinya.

Faktor persekitaran sosial secara signifikannya mempunyai kaitan dengan tingkah laku belia. Peterson et al. (2010) mendapati belia yang melibatkan diri dengan aktiviti komuniti dan ada hubungan akrab dengan ahli keluarga, kurang terjebak dalam permasalahan sosial. Perkara ini ada dijelaskan oleh Hirschi's (1977) dalam teori ikatan sosial. Hirschi mencadangkan belia yang mempunyai hubungan yang positif dalam komuniti juga memainkan peranan aktif dalam mencegah tingkah laku delinkuen.

## Belia dan Masalah Sosial

Salah laku kalangan belia telah dikesan seawal 2001 (Zamzuri, 2003). Antara kesalahannya adalah berkhawat, homoseksual, mencuri, bergaduh, melanggar peraturan, merokok dan salah guna dadah. Berdasarkan kepada kajian lepas, masalah sosial seperti mencuri, menyamun, bergaduh, lari dari rumah, perlakuan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi dan sebagainya yang membabitkan belia menunjukkan kadar peningkatan yang semakin membimbangkan (Zainudin & Norazmah, 2011). Kajian oleh Zainudin dan Norazmah (2011) mendapati faktor diri paling mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah. Latar belakang keluarga juga bukan faktor penting responden terlibat dalam masalah sosial. Kajian tersebut mendapati faktor utama responden terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan keinginan untuk mencuba sesuatu yang baru dan tidak pernah mereka lakukan. Perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri mereka mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan baik atau buruknya perkara-perkara tersebut. Dalam konteks motivasi, perasaan ingin tahu adalah motif primari atau semulajadi bagi seorang insan. Selain daripada sifat ingin tahu, media massa dilihat sebagai faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku sosial belia. Kajian yang dilaksana oleh Hanin dan Siti (2014) di sebuah kolej komuniti di Selangor menjelaskan punca utama masalah disiplin bagi pelajar kolej adalah faktor media elektronik. Nilai skor min yang tertinggi dicatatkan iaitu mereka gemar melayari internet seperti Facebook. Pada masa kini, Facebook telah menjadi satu kegilaan pengguna maya sama ada memuat naik gambar mahupun mengemas kini status seseorang. Penyalahgunaan internet ini mengundang sikap negatif lain dalam kalangan pelajar seperti lambat atau ponteng kuliah dan melakukan tugas sambil lewa.

Chin, Low dan Vivian (2005) membincangkan permasalahan sosial yang timbul dalam kalangan belia yang terlibat dengan tingkah laku devian seperti seks bebas, jenayah seksual, alkohol, *black metal* dan *punk metal* serta kes lari dari rumah yang serius di kawasan bandar. Mereka mengesyorkan agar ibu bapa memainkan peranan utama mengawasi dan mendidik anak-anak agar tidak terjebak dalam aktiviti tidak sihat. Sekolah atau institusi pengajian juga disaran dapat menyediakan persekitaran fizikal yang kemas dan selesa bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah pembentukan akhlak yang murni. Ibu bapa dan guru saling diperlukan dalam membangunkan belia belia yang baik dan cemerlang akhlaknya. Seterusnya, dapatan kajian oleh Asmah, Nurulhuda dan Mascilla (2011) menunjukkan perbuatan vandalisme adalah yang paling dominan bagi tingkah laku nakal. Manakala buli adalah paling dominan bagi salah laku fizikal, dan melawan guru sebagai salah laku yang paling dominan bagi salah laku verbal. Keadaan perlakuan seperti ini akan terus berada dalam diri pelaku jika sekiranya tidak dibendung segera oleh ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling.

Golongan belia yang bermasalah akan mencari ruang dan cara untuk melepaskan tekanan dalam diri mereka, contohnya merempit (Mohd Mursyid, Ismi Arif, Turiman & Krauss, 2010). Dari segi penggunaan siber, kepintaran yang dimiliki oleh belia tanpa kematangan dalam memahami implikasi daripada aktiviti dalam talian (internet) mengakibatkan ramai belia yang pintar dalam komputer terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti jenayah dan masalah sosial berkaitan dunia siber (Mohd Dahlan & Ida Shafinaz, 2010). Pernah dilaporkan, seorang belia perempuan telah membunuh diri apabila beliau dibuli oleh rakan sekelasnya dalam talian. Antara aktiviti jenayah lain dalam talian adalah seperti berjudi, melawat laman web pornografi serta memecah masuk ke rangkaian lain secara tidak sah (*hacking*), melakukan penipuan, mencuri maklumat, mencipta dan menyebarkan virus semata-mata disebabkan perasaan ingin tahu dan mahu mencuba. Mohd Dahlan dan Ida Shafinaz (2010) menegaskan bahawa persekitaran merupakan antara faktor yang mempengaruhi akhlak individu dalam masyarakat. Menurut kajian mereka, persekitaran yang mengamalkan pengasingan nilai kerohanian daripada urusan keduniaan dan persekitaran sosial budaya yang bersifat sekular liberal dan materialistik menggalakkan perkembangan aspek tertentu namun pada masa yang sama menghindarkan perkembangan aspek lain.

## DEFINISI OPERASI

Terdapat enam dimensi permasalahan sosial belia yang dikenalpasti sebagai fokus dalam makalah ini. Berikut adalah definisi setiap dimensi permasalahan sosial yang dikaji:

Kenakalan: Perlakuan yang dikategori nakal termasuk melanggar disiplin di sekolah/tempat kerja seperti membuli, melawan guru, datang lewat ke sekolah, dan ponteng kelas/sekolah/aktiviti sekolah yang wajib serta tidak menghormati diri dan orang lain merangkumi perbuatan melepak, mencaci orang dengan kata-kata kesat, dan bercakap bohong.

Salah laku seksual: Perlakuan salah laku berkaitan seksual sama ada perbuatan membawa bahan lucu ke sekolah atau melibatkan perlakuan fizikal secara sengaja atau tidak.

Penyalahgunaan bahan: Perbuatan menjurus kepada penyalahgunaan bahan termasuk menghisap rokok, meminum minuman beralkohol, dan pengambilan dadah (seperti: syabu, ganda, pil khayal, menghidu gam).

Jenayah: Perlakuan salah laku seperti berjudi, mencuri, menyertai kumpulan haram/kongsi gelap, melakukan vandalisme, dan menyertai lumba haram.

Ekstremisme: Penglibatan individu dalam kumpulan haram dan kecenderungan melampau terhadap parti politik.

Penyalahgunaan siber: Penglibatan individu dalam penyebaran berita palsu/maklumat sulit kerajaan/menyunting dan mengubah bahan asal/cetak rompak/menggodam

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian dijalankan menggunakan kaedah survei dan Teknik Kumpulan Nominal (NGT). Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama tiga bulan bermula pada bulan September 2015 dan berakhir pada November 2015. Jangka masa tersebut melibatkan proses daripada penentuan pembentukan instrumen, pengumpulan data, analisis dan penulisan laporan. Kajian menggunakan pendekatan *replication study* daripada Kajian Gejala Sosial yang dilaksanakan IYRES pada tahun 2010 dengan sedikit pengubahsuaian instrumen. Terdapat tambahan dua permasalahan sosial belia masa kini yang diperoleh daripada analisa isu semasa iaitu ekstrimis dan penyalahgunaan siber. Input bagi membentuk soal selidik berkaitan ekstrimis dan penyalahgunaan siber diperoleh berdasarkan teknik kumpulan nominal (NGT) melibatkan wakil belia di Semenanjung (zon Tengah) dan Sarawak (zon Sabah/Sarawak).

Populasi kajian adalah belia Malaysia pada tahun 2015 iaitu mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Pengagihan persampelan mengikut nisbah etnik (Melayu: Cina: India atau 4:3:3), jantina (Lelaki:Perempuan atau 5:5) dan kategori umur belia di Malaysia (belia di alam pengajian (15-24 tahun) dan belia di alam pekerjaan (24-30 tahun). Kajian melibatkan lima zon iaitu: Utara (Kedah dan Perak Utara), Timur (Terengganu dan Kelantan), Tengah (Selangor dan Kuala Lumpur), Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka) dan Sabah/Sarawak (Sabah dan Sarawak). Jumlah data yang diperoleh adalah sebanyak 2799 dan hanya 2767 yang layak dianalisis. Selebihnya tidak lengkap dan umur tidak menepati kehendak kajian.

## HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Secara umumnya, perempuan adalah sebanyak 58.1 peratus (1595 orang), dan lelaki sebanyak 41.9 peratus (1150 orang). Responden secara puratanya berumur dalam lingkungan 20 tahun. Bilangan responden yang berumur 15 hingga 24 tahun ialah sebanyak 2363 orang dan selebihnya (404 orang) berada dalam lingkungan 25 hingga 30 tahun. Pecahan responden berdasarkan komposisi bangsa memperlihatkan 73.9% berbangsa Melayu dan selebihnya adalah Cina (9.2%), Bumiputera Sabah (7.6%), Bumiputera Sarawak (5.0%) dan India (3.8%). Lain-lain bangsa adalah sebanyak 0.4 peratus.

Apabila ditanya tentang identiti bangsa, majoriti responden (96.4%) ingin dikenali sebagai bangsa Malaysia manakala selebihnya iaitu 3.6% responden tidak mahu dikenali sebagai bangsa Malaysia. Selain itu, majoriti (73.8%) responden melibatkan diri dalam pelbagai bentuk Badan Beruniform seperti Kadet, SUKSES dan sebagainya. Selebihnya 707 orang responden (26.1%) tidak terlibat dengan sebarang bentuk Badan Beruniform. Daripada aspek sektor pekerjaan pula menunjukkan sebanyak 51.4% responden bekerja dalam sektor swasta diikuti bekerja sendiri iaitu 27.9% dan seterusnya bekerja dengan Kerajaan iaitu 19.1%. Manakala peratusan responden yang bekerja dengan Badan Berkanun/NGO mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu 1.6%. Data taraf pendidikan menunjukkan majoriti responden masih bersekolah: kelulusan SPM (13.7%), PMR/SRP (20.4%), dan UPSR (10.4%). Sementara itu responden yang berkelulusan Sarjana Muda/Ijazah 21.7%, diikuti Diploma/STAM/Sijil 19.2% dan Sarjana/Master 11.7%. Lebih daripada separuh (64.0%) responden tinggal dengan ibu bapa mereka. Majoriti responden membesar dalam keluarga yang berpegang teguh kepada ajaran agama iaitu dengan nilai peratusan 90.9% (2510 orang responden) berbanding sebaliknya iaitu hanya 8.9% sahaja.

### Pola Permasalahan Sosial Belia Masa kini

Permasalahan sosial yang berlaku boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada negara kerana belia merupakan tonggak utama dan peneraju ekonomi negara. Responden telah ditanya tentang soalan “sejauhmanakah tahap penglibatan belia di kawasan anda pada setiap permasalahan sosial berikut sepanjang tahun 2015?” Jadual 1 menunjukkan tahap keseriusan penglibatan belia mengikut permasalahan sosial di kawasan tempat tinggal mereka.

Jadual 1: Keseriusan Tahap Penglibatan Belia mengikut Pandangan Belia

Kategori permasalahan	% Tidak serius (Skala 1,2,)	%Kurang serius (Skala 3)	%Serius (Skala 4,5)	M	SP
1. Kenakalan	23.8	27.8	48.4	3.33	1.22
2. Salah laku seksual	31.5	24.6	43.9	3.20	1.33
3. Penyalahgunaan bahan	27.6	25.2	47.2	3.30	1.32
4. Jenayah	24.0	25.5	50.6	3.39	1.27
5. Ekstrimisme	35.3	25.5	39.2	3.06	1.35
6. Penyalahgunaan siber	35.0	25.0	40.0	3.06	1.36

Nota. M= purata, SP = Sisihan Piawai

Penglibatan belia dalam jenayah menunjukkan sebanyak 50.6% berada pada tahap serius, sekaligus dilihat amat membimbangkan kerana jenayah yang berskala besar bermula dengan penglibatan jenayah secara kecil seperti mencuri, berjudi, vandalisme dan gangsterisme. Di samping itu, hampir separuh responden melaporkan tahap kenakalan yang serius. Membuli, memaki, merempit dan

ponteng merupakan watak-watak kecil yang boleh membawa kepada masalah yang lebih besar dalam kalangan belia. Watak-watak seperti ini dilihat seakan-akan tidak mempunyai kesan mendalam namun ia membuang jauh wawasan mereka sebagai belia yang bermatlamat dan bercita-cita tinggi. Persepsi tahap keseriusan penglibatan belia mengikut permasalahan sosial di kawasan tempat tinggal mereka memperlihatkan jenayah merupakan masalah sosial yang paling tinggi berbanding masalah sosial lain dengan belia di bandar mencatatkan skor purata lebih tinggi berbanding di luar bandar. Manakala, kenakalan belia menjadi masalah sosial yang kedua tinggi, diikuti penyalahgunaan bahan, salah laku seksual, penyalahgunaan siber dan ekstrimisme.

## Faktor-Faktor Permasalahan Sosial Belia

### *Kategori 1: Kenakalan*

Secara keseluruhannya, permasalahan sosial belia dalam aspek kenakalan adalah pada tahap tidak membimbangkan walaupun ada di antara perbuatan kenakalan itu melebihi tahap 70 peratus seperti mengeluarkan kata-kata kesat (70.8%) serta melepak (70.7%). Fenomena ini tidak boleh dipandang remeh kerana perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan adat budaya semua kaum di negara ini. Budaya ketimuran sering dikaitkan dengan budaya menghormati antara satu sama lain serta menolak budaya songsang yang mengeneipikan kesantunan dan peradaban masyarakat di rantau ini.

Mengeluarkan Kata-Kata Kesat: Dapatan kajian menunjukkan punca utama kepada perbuatan mengeluarkan kata-kata kesat adalah kerana (i) untuk melepaskan geram, (ii) menurut rakan melakukannya, (iii) sudah menjadi kebiasaan, (iv) menganggap ia bukan satu kesalahan dan (v) ibu bapa tidak pernah menegur. Kegagalan mengawal emosi seringkali menyebabkan belia bertindak mengeluarkan kata-kata kesat yang mana kemudiannya mereka seringkali menyesali akan perbuatan tersebut. Kata pepatah, terlanjur perahu boleh diundur, terlahak kata buruk padahnya. Belia hari ini menghadapi pelbagai cabaran termasuk kematangan emosi yang perlu ditangani segera. Belia hari ini juga mudah dipengaruhi rakan sebaya untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tata susila. Namun, apabila ada rakan yang mengajak atau turut melakukan maka dengan sendirinya mereka akan turut serta kerana beberapa sebab. Pertamanya, mereka ingin menjadi sebahagian daripada kumpulan tersebut. Jika tidak, mereka mungkin dipinggirkan. Kedua, mereka menjadi berani sekiranya melakukan secara beramai-ramai daripada membuatnya secara seorang diri dan secara umumnya kesalahan itu akan diletakkan kepada kumpulan berbanding individu. Ketiga, perbuatan tersebut mungkin dianggap sebagai satu perbuatan yang menunjukkan bahawa dirinya sudah matang atau bersifat dewasa.

Melepak: Kajian mendapati punca belia melepak antaranya adalah (1) ingin menghabiskan masa bersama rakan-rakan, (2) mencari ketenangan, (3) bosan dengan suasana rumah yang kurang kondusif, (4) ibu bapa suka berleter, dan (5) ibu bapa sering tiada di rumah. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan di mana kedudukan rakan-rakan dan keluarga kepada belia dan kesan terhadap tingkah laku mereka. Belia hari ini lebih selesa menghabiskan masa bersama rakan-rakan berbanding dengan ahli keluarga sendiri. Faktor mencari ketenangan agak sinonim dengan punca yang ketiga dan keempat iaitu melarikan diri daripada suasana bosan dengan keadaan rumah di tambah pula dengan tekanan daripada ibu bapa yang suka berleter. Kajian menemukan punca melepak disebabkan ketiadaan ibu bapa di rumah bukan merupakan punca yang besar. Namun keadaan tersebut memberi peluang dan ruang yang besar kepada belia untuk keluar daripada rumah dan melepak bersama dengan rakan-rakan.

Ponteng Kelas/Sekolah atau Kerja: Kajian mendapati punca utama perlakuan tersebut adalah kerana ada rakan lain yang turut melakukannya, diikuti dengan perasaan tidak suka dengan mata pelajaran atau tugas yang diberi guru atau majikan, tidak minat belajar atau bekerja dan akhirnya guru atau majikan tidak pernah menegur mereka. Dapatan ini menunjukkan sekali lagi pengaruh rakan dalam kalangan belia di negara. Ini menunjukkan identiti berpasukan lebih menyerlah daripada identiti individu di mana belia merasakan lebih selesa mengikut keputusan majoriti rakan-rakan daripada membuat keputusan

sendiri. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh majoriti belia cuba menghubungkan (*affiliation*) diri dengan kumpulan tertentu untuk mendapat rasa kepunyaan (*sense of belonging*) dan dalam kes ini rakan sekolah atau sekerja.

**Membuli:** Kajian ini mendapati perbuatan buli menduduki tempat keempat dalam dimensi kenakalan. Justeru, sekiranya punca kejadian buli dalam kalangan belia tidak dapat dikenalpasti, maka langkah pencegahan berkesan tidak akan dapat dilaksanakan. Lima punca utama belia terlibat dalam aktiviti membuli adalah seperti berikut: i) ada rakan yang mengajak untuk melakukannya, ii) sudah menjadi tradisi ketika di sekolah atau asrama, iii) ingin membalas dendam kerana pernah menjadi mangsa buli, iv) ingin menunjukkan kuasa, dan v) ibu bapa tidak pernah menegur perbuatan tersebut.

Sekali lagi dengan jelas dapatan menunjukkan bahawa belia berani membuli apabila ada rakan yang sama melakukannya. Punca kedua ialah belia menanggung perbuatan membuli adalah merupakan tradisi biasa ketika di sekolah atau di asrama. Membuli kerana pernah menjadi mangsa buli sebelum ini merupakan salah satu punca kenakalan dalam aspek membuli. Jika fenomena ini dibiarkan berterusan maka akan wujud satu pusingan ganas (*vicious cycle*) yang tidak berkesudahan. Sesi kaunseling yang berkesan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan perbuatan buli yang disebabkan oleh punca ini.

**Jadual 2: Punca Kenakalan**

Punca	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	% respon
Mengeluarkan kata-kata kesat:					
a) Sudah menjadi kebiasaan (3)	27.3	25.4	34.2	13.1	82.1
b) Melepaskan geram (1)	19.9	18.1	43.1	19.0	85.3
c) Ibu bapa tidak pernah menegur apabila saya melakukannya (5)	58.3	25.3	9.9	6.5	80.7
d) Ada rakan yang turut melakukannya (2)	22.4	19.3	40.3	17.9	82.9
e) Ia bukan satu kesalahan (4)	48.5	27.3	16.5	7.6	81.0
Melepak:					
a) Bosan/suasana di rumah tak kondusif (3)	24.6	20.5	37.8	17.1	80.9
b) Ibu bapa suka meleter (4)	35.8	31.0	23.2	10.0	79.2
c) Ibu bapa selalu tiada di rumah (5)	37.3	30.1	22.3	10.3	77.9
d) Ingin habiskan masa bersama rakan-rakan (1)	17.2	16.0	41.8	24.9	84.3
e) Mencari ketenangan (2)	20.1	15.9	38.4	25.6	81.6
Ponteng kelas/sekolah/kerja:					
a) Guru/majikan membosankan (3)	30.9	23.7	28.7	16.6	75.4
b) Tidak suka dengan mata pelajaran/tugasan yang diberi oleh guru (2)	27.9	24.0	32.5	15.5	77.0
c) Ibu bapa/majikan tidak pernah menegur apabila saya melakukannya (5)	47.8	31.7	12.6	7.9	74.9

d) Ada rakan yang turut melakukannya (1)	28.6	18.6	33.7	19.0	76.5
e) Tidak minat belajar/bekerja (4)	41.2	29.2	19.3	10.2	74.4
Membuli:					
a) Ingin membalas dendam kerana pernah menjadi mangsa buli (3)	41.7	26.9	23.4	8.0	69.4
b) Sudah menjadi tradisi ketika di sekolah/asrama (2)	36.7	25.1	27.4	10.8	69.1
c) Ibu bapa tidak pernah menegur apabila saya melakukannya (5)	57.7	24.8	11.5	6.0	69.8
d) Ada rakan yang ajak melakukannya (1)	37.8	23.2	27.1	11.9	69.4
e) Ingin mengajar (ingin menunjukkan "power") (4)	43.9	24.3	19.0	12.8	68.3
Merempit:					
a) Mengisi masa lapang (4)	54.4	20.7	16.9	8.0	62.0
b) Ada ganjaran jika menang (3)	52.2	22.4	17.5	7.8	61.5
c) Menunjukkan kemahiran/skill (2)	49.5	19.9	20.1	10.5	61.7
d) Ibu bapa tidak pernah menegur apabila saya melakukannya (5)	63.5	20.7	9.9	5.9	62.3
e) Ada rakan yang turut melakukannya (1)	45.2	19.5	22.8	12.5	61.9
Aktiviti lumba haram:					
a) Ada penganjur (5)	58.9	19.1	15.6	6.5	55.9
b) Ada khidmat bengkel pengubahsuaian secara haram (4)	55.4	21.0	16.5	7.1	56.6
c) Dicabar (2)	51.3	19.0	19.8	9.9	57.7
d) Kepuasan diri sendiri (1)	50.9	17.9	20.7	10.5	58.7
e) Cara mudah mendapat duit (3)	57.2	19.1	16.2	7.5	56.9

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

Aktiviti Merempit: Kajian mendapati bahawa punca utama aktiviti rempit berlaku disebabkan oleh pengaruh rakan. Aktiviti merempit biasanya dilakukan secara berkumpulan dan sering dilakukan di tempat-tempat strategik yang telah dikenalpasti. Punca lain yang menyumbang kepada aktiviti rempit ialah apabila ada dalam kalangan belia yang ingin menunjukkan kemahiran dan keberanian menunggang motosikal secara berbahaya. Perbuatan merempit juga didorong oleh adanya ganjaran jika menang dan ada segelintir daripada belia yang merempit menjadikannya sebagai aktiviti mengisi masa lapang.

Punca lain adalah kerana tiada teguran daripada ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam aktiviti merempit. Ketidakpedulian ibu bapa terhadap aktiviti songsang yang dilakukan memberi peluang dan ruang kepada anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti tersebut. Keperihatinan daripada ibu bapa sangat-sangat diperlukan bagi mengurangkan gejala tidak sihat ini.



Aktiviti Lumba Haram: Kajian mendapati bahawa lima punca utama mengikut susunan adalah seperti berikut: 1) untuk kepuasan diri sendiri, 2) kerana dicabar, 3) cara mudah untuk dapat duit, 4) ada khidmat bengkel pengubahsuaian kenderaan dan 5) kerana adanya penganjur. Dapatan ini agak mengejutkan kerana penglibatan belia dalam lumba haram bukan disebabkan oleh adanya penganjur (seperti yang dijangkakan oleh banyak pihak) tetapi dengan jelas menunjukkan penglibatan belia dalam aktiviti tersebut untuk mencapai kepuasan diri sendiri. Barangkali setelah menghabiskan ratusan atau ribuan ringgit untuk belanja ubahsuaian kenderaan, maka lumba haram menjadi medan untuk menguji kehebatan kenderaan masing-masing. Adanya penganjur atau ganjaran bukan lagi penyebab utama belia terlibat dalam lumba haram.

### ***Kategori 2: Salah laku Seksual***

Menyimpan Bahan Lucah: Perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap bahan lucah boleh mendorong kepada kerosakan akhlak belia sekaligus mengundang kepada salah laku seksual. Perasaan ingin tahu menjadi punca utama belia menyimpan/membaca/melihat bahan lucah. Selain itu, bahan lucah atau porno mudah didapati dan diperolehi sama ada dari pasaran gelap mahu pun internet. Kemudahan teknologi seperti internet yang digunakan secara meluas dan tidak dikawal memudahkan belia memperoleh maklumat yang mereka inginkan (ibarat dunia di hujung jari). Ada dalam kalangan belia menganggap menyimpan bahan lucah merupakan hobi mengisi masa lapang. Hobi belia yang tidak bermoral ini mendorong aktiviti tidak sihat berlaku. Belia merupakan pelapis generasi akan datang dan mereka perlu melakukan aktiviti lapang yang sihat dan bermoral selari dengan kehendak agama dan fungsi belia itu sendiri. Punca lain salah laku seksual adalah ketagihan dalam membaca/melihat/menyimpan bahan lucah dan faktor ibu bapa tidak pernah menegur apabila mereka melakukannya. Ketagihan melihat/membaca bahan lucah ini dilihat seperti ketagihan menghisap rokok/candu mahu pun dadah. Namun, gejala ini lebih memberi impak yang besar kepada salah laku seksual yang lebih ekstrem.

Aktiviti bercumbuan dengan pasangan: Bercumbuan dengan pasangan yang bukan suami isteri juga merupakan faktor yang menyumbang kepada salah laku seksual dalam kalangan belia. Ada responden yang menganggap ia perkara biasa bagi pasangan yang bercinta. Selain itu, ada yang menyatakan untuk mencari keseronokan. Rentetan daripada perasaan seronok, sebanyak 29.7% mengaku ia dilakukan kerana peluang yang ada untuk melakukannya. Kebanyakan pasangan bercinta dalam kalangan belia ini sanggup mencari 'port' yang gelap semasa berjumpa dengan pasangan sekaligus mencipta peluang untuk merasai keseronokan bercumbuan. Belia juga melakukannya kerana wujud tindak balas yang positif daripada pasangan yang merelakannya. Sebahagian kecil responden menyatakan bahawa perbuatan bercumbu ini berlaku disebabkan keinginan untuk berkahwin namun terdapat halangan daripada keluarga, kewangan dan sebagainya. Selain itu, pengaruh bahan lucah turut mendorong berlakunya perbuatan bercumbu bersama pasangan.

**Jadual 3: Punca Salah Laku Seksual**

<b>Punca</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>	<b>% respon</b>
<b>Membaca/melihat/menyimpan bahan lucah:</b>					
a) Senang diperolehi (sama ada dari pasaran gelap/muat turun dari internet) (2)	48.1	19.0	18.7	14.2	61.5
b) Hobi mengisi masa lapang (3)	51.7	23.9	15.3	9.1	61.5
c) Ingin tahu (1)	44.5	18.0	26.0	11.6	63.0
d) Ketagih (4)	53.1	23.6	15.2	8.1	61.0
e) Ibu bapa tidak pernah menegur apabila saya melakukannya (5)	64.9	19.2	9.5	6.4	60.9



## Bercumbuan dengan pasangan yang tiada hubungan perkahwinan:

a) Pengaruh bahan lucu (5)	54.0	18.2	16.7	11.1	54.4
b) Rasa seronok (2)	50.8	18.9	19.1	11.3	55.0
c) Ada peluang melakukannya (3)	51.9	18.3	17.4	12.3	54.9
d) Mahu berkahwin, tetapi ada halangan (4)	53.0	20.8	15.5	10.6	54.8
e) Perkara biasa pasangan bercinta (1)	50.0	19.1	19.2	11.7	55.9

## Seks luar nikah:

a) Pengaruh bahan lucu (4)	57.7	16.8	14.2	11.4	52.8
b) Rasa seronok (1)	55.3	16.5	16.3	12.0	52.9
c) Ada peluang melakukannya (2)	56.3	17.0	15.2	11.5	52.9
d) Mahu berkahwin, tetapi ada halangan (5)	56.7	18.3	14.4	10.5	52.8
e) Perkara biasa pasangan bercinta (3)	56.7	17.0	15.7	10.6	52.9

## Aktiviti LGBT:

a) Pernah menjadi mangsa serangan seksual (5)	68.6	18.8	7.2	5.4	50.5
b) Naluri diri (1)	63.8	18.8	11.7	5.7	51.5
c) Ibu bapa gagal dalam perkahwinan (4)	69.3	17.3	7.8	5.5	50.9
d) Ada sokongan daripada rakan yang sama seperti saya (3)	66.1	17.2	10.6	6.2	51.0
e) Ingin disayangi (2)	64.3	16.1	9.9	9.7	51.2

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

Seks luar nikah: Perbuatan sumbang dalam masyarakat dan belia hari ini berpunca daripada perasaan seronok, mempunyai peluang untuk melakukannya, perkara biasa bagi pasangan bercinta, pengaruh bahan lucu dan halangan untuk berkahwin. Rasa seronok dan ada peluang melakukan seks tanpa nikah ini akibat daripada tiada kawalan daripada ibu bapa tentang aktiviti anak-anak. Tambahan pula, belia hari ini sangat mudah terpengaruh dengan bahan bacaan atau video yang tidak bermoral di internet yang kemudiannya dikongsi dengan rakan yang lain. Ini mengundang perasaan ingin cuba terutama dalam kalangan pasangan belia yang sedang bercinta. Selain itu, terdapat halangan untuk berkahwin juga menyebabkan jiwa belia memberontak terhadap keluarga yang melarang perhubungan mereka. Mereka melakukan hubungan tanpa nikah sebagai tanda protes kepada keluarga dan ada sebilangan belia yang melarikan diri dari rumah kerana hubungan mereka tidak direstui.

Aktiviti LGBT: LGBT merupakan singkatan daripada lesbian, gay, biseksual dan transgender. Lesbian adalah istilah bagi perempuan yang memaksikan arah orientasinya kepada sesama perempuan, manakala gay pula istilah bagi lelaki yang merujuk kepada homoseksual atau sesama lelaki. Biseksual pula merujuk kemahuan seksualnya kepada kedua-dua jenis lelaki dan perempuan dan transgender adalah ketidaksamaan identiti jantina seseorang di mana berlaku perubahan pada alat kelaminnya (lelaki ingin menjadi wanita). Kajian ini menunjukkan aktiviti LGBT ini biasanya terjadi berpunca daripada naluri diri, perasaan ingin disayangi, sokongan daripada rakan yang sama, ibu bapa gagal dalam perkahwinan dan pernah menjadi mangsa serangan seksual.

### **Kategori 3: Penyalahgunaan Bahan**

Penggunaan Rokok Elektronik (Vape): Kementerian Kesihatan mendefinisikan peranti elektronik yang mengandungi nikotin adalah dirujuk sebagai 'rokok elektronik' (*eCig*), sementara yang tidak mengandungi nikotin, adalah dirujuk sebagai *Vape*. Kandungan utama *vape* ini adalah bateri, atomiser dan penyedut (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Kewujudan '*vape*' menjadi satu fenomena baru dalam kalangan belia yang mana mereka mengatakan *vape* sebagai alternatif baru untuk berhenti merokok. Namun, ada negeri yang mengharamkan penggunaan *vape* kerana ia memberi kesan yang lebih buruk terhadap kesihatan berbanding rokok biasa. Ini kerana bahan kandungan yang terdapat dalam cecair *vape* seperti *Propylene Glycol* (PG) dan nikotin dikenali pasti membawa kesan negatif terhadap pengguna. Sebanyak 20 universiti awam telah haramkan penggunaan *vape* di kampus masing-masing (Utusan Malaysia, 2015). Punca belia menghisap *vape* ialah bahan mudah didapati dan mempunyai kepelbagaian rasa. Kajian ini juga mendapati punca belia menghisap *vape* adalah untuk menggantikan tembakau dan nikotin sekaligus mendorong mereka untuk berhenti merokok. Selain itu, belia yang menghisap *vape* ingin kelihatan lebih bergaya. Ada responden yang bersetuju bahawa tiada akta pengharaman bahan atau kempen kesedaran yang meluas tentang bahaya penggunaan *vape*. Sebanyak 33.0% belia bersetuju bahawa mereka menghisap *vape* kerana menganggapnya tidak merbahaya.

Merokok: Lebih separuh responden yang merokok dan satu pertiga daripadanya bersetuju bahawa rokok sudah menjadi kebiasaan dan tabiat mereka. Ada yang menyatakan bahawa mereka menghisap rokok adalah untuk menghilangkan tekanan terhadap tugas atau ingin mencari idea. Ada sesetengah belia menganggap merokok mampu menghilangkan tekanan dan rasa bosan mereka terhadap tugas yang diberi terutama melibatkan bebanan kerja yang berat dan tertekan/stres. Selain itu, pengaruh rakan juga mendorong belia terjebak dengan rokok kerana ada rakan yang turut melakukannya. Keinginan yang tinggi dan rasa tercabar dengan rakan-rakan juga mendorong belia terjebak dengan rokok. Namun, ada juga belia yang menganggap mereka kelihatan segar dan bergaya sekiranya pandai menghisap rokok.

Minuman Beralkohol hingga Mabuk: Sifat ingin tahu atau keinginan mencuba merupakan punca utama belia terlibat dengan minuman alkohol. Namun, ada juga dalam kalangan belia yang meminum minuman beralkohol sehingga mabuk disebabkan rakan lain yang turut melakukannya dan sifat berani, selain tidak takut apabila dicabar. Di samping sebahagian kecil responden memberi alasan untuk menghilangkan tekanan sama ada tekanan di tempat kerja, rumah mahupun peribadi. Selain itu, responden menyatakan bahawa minuman beralkohol mampu menjadi bahan perangsang terutama ketika mabuk. Keadaan yang sepenuhnya tidak sedar ketika mabuk boleh mengundang bahaya terutama kepada belia perempuan yang bertindak liar kerana minuman ini merupakan bahan perangsang yang mampu bertindak balas sekiranya dicampur dengan bahan terlarang lain seperti *ecstasy* atau dadah. Ada juga responden menyatakan mereka terlibat dengan minuman beralkohol akibat dipaksa.

Penyalahgunaan Dadah: Penyalahgunaan dadah lebih ditakrifkan sebagai satu perlakuan yang tidak berfaedah serta tidak diterima oleh masyarakat umum. Kajian ini menunjukkan belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah disebabkan pengaruh rakan-rakan. Pengaruh rakan menjadi faktor utama masalah sosial yang berlaku dalam negara. Selain itu, sifat ingin tahu dan keinginan mencuba sesuatu yang baru, rakan-rakan mencabar ataupun mempengaruhi mereka sebagai punca belia terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Belia yang mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi tidak akan rasa bersalah mencuba sesuatu yang dilarang. Tekanan dan masalah di tempat kerja mahupun di sekolah menyebabkan belia mengambil keputusan yang salah dan terjerumus dalam penyalahgunaan dadah ini. Di samping itu, responden mengaku mengambil bahan ini sebagai bahan perangsang. Namun, ada juga belia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah kerana dipaksa oleh seseorang. Antara faktor berlakunya keterpaksaan adalah disebabkan mengikut telunjuk kawan, ingin mendapat wang saku atau poket yang lebih dengan menjadi orang tengah atas urusan jual beli dadah dan sebagainya.

**Jadual 4: Punca Penyalahgunaan Bahan**

Punca	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	% respon
Menghisap rokok elektronik (vape):					
a) Menggantikan tembakau dan narkotin (2)	51.1	13.5	19.9	15.5	54.4
b) Tiada akta pengharaman bahan/ tiada kempen kesedaran (4)	52.2	14.8	19.2	13.9	54.0
c) Ia tidak merbahaya (5)	50.1	16.8	20.1	12.9	55.3
d) Nampak lebih bergaya (3)	49.2	16.8	19.2	14.8	55.0
e) Mudah didapati dan kepelbagaian rasa (1)	48.3	12.6	22.0	17.0	54.4
Merokok:					
a) Menghilangkan tekanan tugas/cari idea (2)	51.7	14.8	17.8	15.8	54.1
b) Sudah menjadi tabiat (1)	51.4	14.2	20.2	14.2	55.4
c) Ada rakan yang turut melakukannya (3)	52.1	14.5	20.0	13.4	54.8
d) Ingin mencuba (4)	51.4	15.5	19.6	13.5	54.7
e) Nampak lebih macho/bergaya (5)	55.4	17.4	14.6	12.5	53.5
Minum minuman beralkohol hingga mabuk:					
a) Menghilangkan tekanan (3)	57.2	16.9	16.6	9.2	52.0
b) Ingin tahu/mencuba (1)	54.6	17.4	17.9	10.1	52.3
c) Dipaksa oleh seseorang (5)	58.1	22.6	12.0	7.3	52.3
d) Ada rakan yang turut melakukannya (2)	55.5	16.8	16.8	10.9	51.6
e) Bahan perangsang (4)	61.4	18.9	11.6	8.0	49.8
Penyalahgunaan dadah:					
a) Menghilangkan tekanan (3)	62.5	15.1	13.7	8.7	50.6
b) Ingin tahu/mencuba (2)	60.6	16.2	15.0	8.2	50.1
c) Dipaksa oleh seseorang (5)	63.2	19.0	12.2	5.6	49.9
d) Ada rakan yang turut melakukannya (1)	59.9	15.1	16.1	8.9	50.2
e) Bahan perangsang (4)	63.1	16.3	13.4	7.1	49.2

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

#### **Kategori 4: Jenayah**

Kecenderungan melakukan Vandalisme: Vandalisme dikenali sebagai gejala laku musnah iaitu tabiat seseorang yang membinasakan harta benda awam dan harta benda orang lain (Gan Swee Eng, 2013). Kajian ini mendapati bahawa gejala ini adalah suatu cara untuk melepaskan geram atau perasaan marah. Selain itu, pengaruh rakan menjadi punca kepada berlakunya gejala ini. Di samping itu, punca ketiga berlakunya gejala ini adalah kerana perasaan ingin berseronok bersama kawan-kawan tanpa

memikirkan keperluan orang lain yang ingin menggunakan kemudahan tersebut. Hampir satu pertiga responden menyatakan bahawa mereka menganggap barang tersebut adalah percuma. Sebahagian kecil ada yang menyatakan disebabkan sikap tidak kisah ibu bapa terhadap kelakuan anak mereka ketika mereka melakukan perkara tersebut.

**Mencuri:** Punca utama belia mencuri adalah kerana ingin membeli sesuatu, ada rakan-rakan yang melakukannya, pernah melakukannya tetapi tidak pernah tertangkap, ingin membayar hutang dan desakan hidup. Belia hari ini dilihat mempunyai keinginan hidup yang tinggi akibat pengaruh rakan-rakan yang sentiasa inginkan gaya kehidupan moden. Faktor sosioekonomi juga menjadi salah satu punca belia terlibat dengan perbuatan mencuri. Selain daripada kehendak melebihi keperluan, bebanan hutang yang ditanggung juga menyebabkan mereka mencari jalan pintas tanpa berfikir panjang. Tambahan pula, pendapatan yang tidak selari dengan kos hidup yang semakin tinggi menyebabkan kadar jenayah semakin meningkat.

**Kecenderungan melakukan Aktiviti Gangsterisme:** Gangsterisme didefinisikan sebagai kumpulan sulit dalam sesuatu kegiatan untuk maksud atau kegiatan jenayah tertentu. Aktiviti ini biasanya dilakukan secara individu atau berkumpulan. Antara punca belia terlibat dengan aktiviti ini adalah kerana ada rakan yang melakukannya, diikuti dengan tawaran perlindungan yang dijanjikan sekiranya mereka melibatkan diri. Satu per empat menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti ini merupakan suatu cara memperjuangkan diri dan mereka yang senasib. Mereka juga menyatakan bahawa aktiviti ini merupakan suatu pekerjaan atau mata pencarian. Manakala, sebahagian kecil mengatakan mereka (atau rakan-rakan) terlibat dengan aktiviti ini disebabkan oleh ibu bapa yang tidak pernah kisah akan apa yang anak-anak mereka lakukan di luar rumah.

**Berjudi:** Judi ialah satu permainan yang melibatkan pertaruhan sama ada pertaruhan harta atau nilai sesuatu benda. Antara punca belia terlibat dengan aktiviti berjudi ialah kerana ingin mencari keseronokan, diikuti pengaruh rakan-rakan kerana ada rakan lain yang turut melakukannya atau ajakan kawan. Ada belia yang pernah menang berjudi dan mahu menang lagi, selain menganggapnya sebagai cara paling mudah untuk menambah pendapatan. Manakala punca terakhir adalah disebabkan desakan hidup.

**Jadual 5: Punca Penglibatan Jenayah**

Punca	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	% respon
<b>Vandalisme:</b>					
a) Ada rakan yang melakukannya (2)	46.5	18.6	23.9	11.0	58.3
b) Suatu cara melepaskan perasaan marah/geram (1)	44.1	19.9	23.2	12.8	58.8
c) Suka-suka untuk berseronok (3)	44.8	20.8	23.5	10.9	59.1
d) Barang 'free', peduli apa bukan barang saya (4)	47.7	21.8	20.0	10.5	57.9
e) Ibu bapa tak pernah kisah apa yang saya lakukan (5)	60.9	21.3	12.6	5.2	57.1
<b>Mencuri:</b>					
a) Desakan hidup (5)	57.6	19.3	14.1	9.0	52.9
b) Nak bayar hutang (4)	54.6	20.7	14.4	10.2	46.7
c) Ingin beli sesuatu (1)	53.8	19.7	16.9	9.6	54.2

d) Ada rakan yang melakukannya (2)	53.9	20.0	16.1	9.9	53.6
e) Pernah mencuri, tidak pernah tertangkap (3)	56.2	19.0	14.0	10.8	52.8
Aktiviti gangsterisme:					
a) Ada rakan yang melakukannya (1)	52.5	19.8	17.3	10.4	53.6
b) Ada yang melindungi diri saya jika saya melibatkan diri dengan kumpulan ini (2)	51.5	21.1	17.9	9.6	52.9
c) Suatu pekerjaan/mata pencarian (4)	57.1	23.9	13.2	5.8	52.1
d) Suatu cara memperjuangkan diri dan mereka yang senasib dengan saya (3)	54.0	20.8	17.0	8.3	52.9
e) Ibu bapa tak pernah kisah apa yang saya lakukan (5)	62.4	20.9	11.3	5.4	53.1
Berjudi:					
a) Cara paling mudah untuk menambah pendapatan (5)	61.2	17.7	12.6	8.6	49.7
b) Desakan hidup (6)	60.4	19.6	13.5	6.5	49.8
c) Suka-suka, keseronokan (1)	55.7	15.7	18.8	9.8	51.5
d) Ada rakan yang melakukannya (2)	56.5	16.0	18.5	9.0	51.2
e) Pernah menang dan mahu menang lagi (4)	58.0	15.8	17.0	9.3	50.6

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

### **Kategori 5: Ekstremisme**

Kajian ini mentakrifkan ekstremisme sebagai penglibatan belia dalam kumpulan haram dan kecenderungan melampau terhadap mana-mana parti politik. Secara keseluruhan, permasalahan sosial belia dalam dimensi ekstremisme masih pada tahap terkawal dan tidak membimbangkan. Walau bagaimanapun sekiranya tidak dibendung ia boleh membawa kepada perbuatan yang menggugat keselamatan dan harta benda awam. Pada dasarnya negara ini memberi kebebasan bersuara namun kebebasan tersebut tidak mutlak. Ia perlu dikaitkan dengan elemen kebertanggungjawaban (*accountability*), kebenaran (*truth*) dan tiada unsur niat jahat (*without malice*). Kumpulan haram ditakrifkan sebagai kumpulan yang tidak berdaftar secara sah serta mempunyai agenda tertentu.

Kecenderungan Melampau terhadap Parti Politik: Kajian ini mendapati terdapat kecenderungan belia untuk menyokong parti politik secara melampau. Tetapi pada kebiasaannya, tahap kecenderungan ini boleh berubah kepada perlakuan atau aktiviti belia berkenaan sekiranya tidak dibendung. Mendalami punca-punca kepada peningkatan kecenderungan belia terhadap sesebuah parti politik, kajian mendapati tujuh punca utama, iaitu: i) menjaga maruah agama, bangsa dan negara, ii) tertarik dengan ideologi perjuangan parti, iii) menganggap diri telah matang untuk menyertai politik, iv) tertarik kepada ikon parti tertentu, v) mendapat banyak manfaat daripada parti, vi) mengikut ibu bapa sertai parti dan vii) akibat pengaruh rakan. Namun, pengaruh rakan bukan punca utama kerana daripada 1609 responden, sebanyak 70 peratus daripada mereka tidak bersetuju bahawa kecenderungan melampau disebabkan oleh pengaruh rakan.

Kecenderungan kepada Kumpulan Haram: Kajian mendapati lapan (8) punca utama seperti berikut: i) pengaruh rakan, ii) ikut-ikutan, iii) kurang pendidikan agama, iv) cetek ilmu, v) ada ikon dominan dalam kumpulan tersebut, vi) tiada pekerjaan tetap, vii) tiada saluran atau peluang untuk menzahirkan prinsip, dan viii) ideologi yang dibawa oleh kumpulan tersebut. Peratusan yang menunjukkan setiap punca kepada kecenderungan belia untuk menyertai kumpulan haram agak seimbang dan pada tahap yang rendah. Pengaruh rakan serta suka mengikut orang lain adalah merupakan dua punca utama kepada tahap kecenderungan melampau kepada kumpulan haram tertentu. Persekitaran sosial belia serta dengan siapa mereka berinteraksi sama ada secara berdepan ataupun melalui laman sesawang dan media sosial perlu dipantau oleh pihak-pihak yang berkenaan termasuk ibu bapa. Kurang didikan agama juga menjadi punca kepada kecenderungan belia menyertai kumpulan haram. Justeru, menjadi tanggungjawab utama ibu bapa untuk memberi pendidikan agama kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Kurangnya pendidikan agama juga boleh menjerus kepada keketatan ilmu dan sekaligus memberi peluang kepada anasir-anasir kumpulan haram untuk mendekati mereka.

**Jadual 6: Punca Ekstremisme**

Punca	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	% respon
Kecenderungan melampau kepada parti politik:					
a) Menjaga maruah agama, bangsa dan negara (1)	35.9	17.1	26.9	20.1	56.1
b) Tertarik dengan ideologi perjuangan parti (2)	37.8	20.6	28.7	12.9	57.4
c) Menyertai kerana anggap diri telah matang (3)	38.6	21.0	26.4	14.1	59.6
d) Tertarik kepada ikon parti tertentu (4)	41.7	21.9	24.9	11.5	59.0
e) Mendapat banyak manfaat daripada parti (5)	40.3	24.4	23.1	12.3	59.2
f) Mengikut ibu bapa sertai parti (6)	41.6	23.6	22.9	11.9	57.5
g) Tertolak melakukannya akibat pengaruh kawan (7)	44.4	26.6	20.5	8.5	58.1
Cenderung untuk terlibat dengan kumpulan haram:					
a) Pengaruh rakan (1)	53.4	17.6	16.8	12.1	51.0
b) Ikut- ikutan (2)	53.4	18.0	16.6	12.0	51.6
c) Kurang pendidkan agama (3)	55.7	17.8	16.4	10.1	51.0
d) Cetek ilmu (4)	56.1	17.9	16.9	9.2	50.7
e) Ada ikon yang dominan (5)	55.6	19.0	16.0	9.5	50.5
f) Tiada pekerjaan tetap (6)	57.3	17.7	14.3	10.7	50.1
g) Tiada saluran peluang untuk menzahirkan prinsip (7)	55.7	20.8	15.3	8.2	49.8
h) Ideologi yang dibawa oleh kumpulan tersebut (8)	57.8	18.9	14.4	8.8	49.6

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

**Kategori 6: Penyalahgunaan Siber**

Dalam konteks kajian ini, penyalahgunaan siber ditakrifkan sebagai tindakan atau aktiviti yang menggunakan teknologi siber dengan cara yang salah sama ada dari segi niat, cara dan matlamat yang boleh memberi kesan negatif kepada orang lain, masyarakat, industri dan negara. Kajian mendapati belia menyalahgunakan media sosial dengan alasan: i) menegakkan kebenaran, ii) menarik perhatian kepada perjuangan tertentu, iii) mengutuk kerajaan, iv) mengakses kepada bahan terlarang, v) mengaibkan orang lain, dan vi) menyebarkan fitnah. Menegakkan kebenaran menjadi tujuan utama responden menggunakan media sosial namun maksud ‘menegakkan kebenaran’ itu tidak jelas dalam konteks apa yang benar dan dari kacamata siapa. Benar pada kita mungkin salah pada pandangan mata orang lain. Apapun ia bergantung kepada niat seseorang itu. Sekiranya kebenaran yang hendak ditegakkan adalah kebenaran yang jelas tanpa dipengaruhi kepentingan peribadi maka ia wajar dan baik. Sebab kedua ialah untuk menarik perhatian kepada perjuangan masing-masing. Di sini kebaikan atau keburukannya bergantung kepada tujuan serta intipati perjuangan tersebut. Sekiranya ia menjurus kepada unsur-unsur negatif seperti perjuangan militan, kumpulan haram, ataupun kumpulan ajaran sesat maka ia adalah sangat tidak wajar untuk digunakan. Maka ia perlu dikenalpasti dan dibanteras sehingga ke akar umbi kerana dikhuatiri ramai belia yang bakal terjebak kepada perjuangan songsang kumpulan tertentu.

Satu lagi punca penyalahgunaan media sosial ialah menjadikan saluran untuk meluahkan ketidakpuasan. Malah lebih kronik lagi ialah menokok tambah isu yang belum terbukti kesahihannya dari segi fakta. Tidak kurang juga ramai netizen yang memviralkan isu berkaitan kerajaan tanpa ada sikap tanggungjawab terhadap apa yang disebarkan menerusi media sosial. Media sosial juga sering digunakan untuk mengakses site yang terlarang di mana tiada sekatan (*firewall*) yang disediakan. Aktiviti tidak sihat ini sekiranya dibiarkan menular akan melahirkan golongan belia yang rendah moral serta akhlakunya. Seterusnya kajian mendapati, media sosial juga sering digunakan untuk mengaibkan orang lain serta menyebarkan fitnah.

Menyebarkan Maklumat berkaitan Kerajaan: Dari satu segi, penyebaran maklumat berkaitan kerajaan adalah satu perkara yang positif. Cuma apa yang membimbangkan ialah penyebaran maklumat kerajaan yang tidak sahih atau tepat, menimbulkan prasangka atau prejudis masyarakat kepada kerajaan. Lebih memburukkan lagi ialah medial sosial digunakan untuk ‘menghentam’ kerajaan. Kajian mendapati antara punca-punca utama responden menggunakan media sosial sebagai alat untuk menyebarkan maklumat berkaitan kerajaan adalah seperti berikut: i) berasa puas hati, ii) pengaruh kawan, iii) Ingin menjadi orang pertama yang menyebarkan berita penting, iv) akan menjadi tumpuan masyarakat, v) rasa diri hebat, dan vi) hendak menjadi masyhur.

**Jadual 7: Punca Penyalahgunaan Siber**

Punca	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	% respon
Menyebarkan maklumat berkaitan kerajaan:					
a) Berasa puas hati (1)	48.0	22.5	18.4	11.2	56.3
b) Pengaruh kawan (2)	49.4	22.3	18.8	9.5	56.2
c) Ingin menjadi orang pertama yang menyebarkan berita penting (3)	49.9	23.2	15.9	11.0	56.2
d) Ingin menjadi tumpuan masyarakat (4)	49.8	25.2	15.3	9.7	56.5



e) Merasa diri hebat (5)	50.9	24.9	14.1	10.1	55.4
f) Ingin menjadi masyhur (6)	52.8	25.0	14.0	8.2	55.7
Terlibat aktiviti cetak rompak:					
a) Sebagai alternatif kepada bahan original yang mahal (1)	44.3	16.4	21.3	18.0	57.1
b) Tidak perlu membayar cukai/royalti (2)	47.4	17.8	21.3	13.5	55.1
c) Kos pengeluaran cetak rompak sangat murah (3)	48.4	18.2	21.0	12.4	55.1
d) Permintaan tinggi (4)	49.2	18.3	19.2	13.3	55.0
e) Mempunyai ruang untuk menjual dengan mudah (5)	50.9	18.7	17.3	13.1	53.8
f) Boleh mendapat untung besar (6)	52.6	22.4	14.2	10.8	54.3
Terlibat aktiviti godam:					
a) Ianya merupakan satu kemahiran dan kepakaran (1)	46.9	16.3	22.6	14.3	52.2
b) Sukar dikesan (2)	48.8	20.4	19.0	11.9	51.1
c) Peluang perniagaan (3)	49.0	20.2	18.5	12.2	51.6
d) Sumber pendapatan (kerja) (4)	48.5	21.7	17.3	12.4	51.5
e) Terdapat permintaan pihak-pihak tertentu (balas dendam) (5)	51.1	22.2	15.5	11.2	50.5
f) Ingin menyebarkan virus (tidakpuashati) (6)	51.7	24.9	13.7	9.7	50.8

Nota. %=peratus; n= bilangan; angka dalam () menunjukkan 'ranking'

**Aktiviti Cetak Rompak:** Antara punca utama adalah seperti berikut: i) sebagai alternatif kepada produk asli yang mahal, ii) tidak perlu membayar cukai/royalti, iii) kos pengeluaran cetak rompak sangat murah, iv) permintaan tinggi, v) mempunyai ruang untuk menjual dengan mudah, dan vi) boleh mendapat untung besar. Kajian mendapati sebahagian besar responden bersetuju bahawa punca utama mereka membeli bahan cetak rompak adalah disebabkan oleh harga yang terlalu tinggi produk asli atau original. Walaupun mereka tahu bahawa ia adalah salah dari segi undang-undang namun mereka membeli hanya untuk kegunaan sendiri dan bukannya untuk tujuan berniaga. Namun ada yang menjadikan bahan cetak rompak sebagai punca pendapatan. Kualiti hasil cetak rompak jauh berbeza dengan yang asli tetapi itu tidak menjadi masalah kepada mereka kerana pada mereka membeli bahan cetak rompak sama seperti barang pakai buang (jika rosak beli saja yang lain). Sekiranya faktor harga mendorong aktiviti cetak rompak maka sesuatu perlu dilakukan untuk mencari struktur harga yang munasabah di samping mendidik pengguna untuk hanya membeli barang yang asli sahaja. Sekiranya harga dapat diturunkan tanpa menjejaskan peruk nasi artis, karyawan serta produser dalam jangka masa panjang, industri kreatif akan menjadi lebih berdaya saing di mana keuntungan boleh dijana melalui bilangan (volume) jualan yang lebih besar.

**Cenderung terlibat dengan Aktiviti Godam:** Kajian ini juga ingin mencari punca kepada kegiatan menggodam sistem atau pengkalan data individu atau organisasi tertentu yang juga ditakrif sebagai penyalahgunaan siber di dalam kajian ini. Pada kebiasaannya, hanya mereka yang pakar sahaja berkemampuan untuk melakukan aktiviti godam tanpa boleh dijejaki dalam tempoh masa yang singkat. Antara punca utama belia terlibat dengan aktiviti godam adalah seperti berikut: i) ia

merupakan satu kemahiran dan kepakaran, ii) sukar dikesan, iii) peluang perniagaan yang lumayan, iv) sumber pendapatan (kerja), v) terdapat permintaan pihak-pihak tertentu (balas dendam), dan vi) Ingin menyebarkan virus (tidak puas hati).

## CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan dan rumusan kajian, beberapa langkah intervensi dicadangkan. Pendekatan yang digunakan dalam mengemukakan cadangan adalah pendekatan SCORE model (Symptom, Cause, Outcome, Response and Effect). Pendekatan ini biasa digunakan dalam memberi cadangan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi sesebuah organisasi. Berlandaskan kepada rumusan model SCORE yang ditunjukkan dalam Jadual 8, beberapa langkah intervensi berikut dicadangkan:

**Jadual 8: Rumusan berdasarkan Model SCORE**

Simptom ( <i>Symptom</i> )	Punca ( <i>Cause</i> )	Kesan Akibat ( <i>Outcome</i> )	Respon/Tindakan ( <i>Response</i> )	Keberhasilan ( <i>Effect</i> )
Salah laku seksual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ingin tahu</li> <li>• Senang perolehi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terjebak permasalahan sosial</li> <li>• Aset -&gt; liabiliti -&gt;bebanan/ ancaman</li> <li>• Kos sosial meningkat</li> </ul>	<p><u>Kekuatan Dalam:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatkan kawalan diri dalaman (<i>internal locus of control</i>)</li> <li>• Ubah persepsi (<i>mind coaching</i> – makna yang diberi pada setiap perbuatan)</li> <li>• Bentuk professional <i>team coaching</i></li> <li>• Bentuk sahshiah belia secara menyeluruh</li> </ul> <p><u>Aktiviti Luaran:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti luaran (FIT Malaysia, Hari Sukan Malaysia)</li> <li>• Kempen/info (pemilihan media yang tepat)</li> <li>• <i>Community-based engagement</i></li> <li>• Penguatkuasaan</li> </ul>	Resilien, berintegriti, kurang penglibatan masalah sosial
Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cenderung vandalisme,</li> <li>• Suka-suka,</li> <li>• kawan ajak,</li> <li>• lepas geram</li> </ul>			
Penyalahgunaan bahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ada kawan buat,</li> <li>• hilangkan tekanan</li> </ul>			
Kenakalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pengaruh rakan</li> </ul>			
Ekstremisme	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pengaruh rakan,</li> <li>• ikut kawan,</li> <li>• jaga maruah agama, negara, bangsa</li> </ul>			
Penyalahgunaan siber	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tegak kebenaran,</li> <li>• jimat (cetak rompak)</li> <li>• kemahiran (godam)</li> </ul>			

### Meningkatkan Kekuatan Dalam Belia

Pembentukan jati diri serta daya ketahanan mental yang kuat adalah merupakan pelindung/perisai paling berkesan kepada golongan belia agar dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan permasalahan sosial yang membelenggu negara. Tidak dapat dinafikan bahawa telah banyak program belia yang dilaksanakan namun permasalahan sosial tetap juga berlaku seolah-olah tidak memberi apa-apa kesan. Kurangnya kesan atau kesan yang tidak berpanjangan mungkin disebabkan kaedah pelaksanaan program yang bersifat *superficial* dan *artificial* dalam erti kata lain hanya berupaya menyentuh luaran seseorang tetapi gagal menyinari sehingga ke hati sanubari mereka. Justeru, kesannya adalah sementara dan hilang pada satu masa.

Untuk memperbaiki lagi program sedia ada atau ketika fasa menggubal program baru, penekanan seharusnya diberikan kepada penanaman ilmu tasit (*inculcation of tacit knowledge*) kepada peserta agar kesan yang lebih mendalam dan bersifat jangka panjang. Program pembinaan pasukan (*team building*) yang berbentuk fizikal serta ceramah motivasi hanya akan memberi kesan semasa program sahaja dan kesan ini akan hilang sebaik sahaja peserta meninggalkan premis latihan. Ini kerana, program tersebut hanya memberi ilmu secara eksplisit (*explicit knowledge*) dan lebih kepada keseronokan berkursus sehingga kadang-kadang lupa kepada objektif sebenar program tersebut.

Kajian mencadangkan program yang bakal dianjurkan perlu menekankan ilmu tasit yang dapat menguatkan pertahanan dalaman belia. Sebagai contoh, latihan atau simulasi yang dapat menguatkan lokus kawalan dalaman di mana setiap belia tahu dan sedar akan kesan dan akibat daripada keputusan yang dibuat serta mengambil tanggungjawab penuh di atas keputusan tersebut. Belia yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi tidak akan menyalahkan orang lain sekiranya sesuatu yang buruk berlaku hasil daripada keputusan yang telah dibuat. Secara tidak langsung ia menguatkan jati diri belia itu sendiri. Antara kaedah latihan yang boleh digunakan ialah *experiential learning* iaitu kaedah pembelajaran di mana peserta mengambil bahagian atau peranan serta melalui sendiri proses tersebut yang akhirnya mereka akan mendapat tahu kesan dan akibat daripada pengalaman yang mereka sendiri lalui.

Salah satu lagi pendekatan yang dicadangkan adalah '*mind coaching*' ke arah usaha untuk merubah persepsi belia masa kini. *Mind coaching* adalah kaedah yang boleh digunakan dengan tujuan untuk memberi makna berbeza kepada sesuatu perbuatan. Dalam erti kata yang lain ia merupakan satu bentuk kemahiran untuk melihat sesuatu keadaan atau perbuatan dalam perspektif yang berbeza daripada kelaziman ataupun lebih mencabar lagi melihat dan memahami dalam konteks pelbagai perspektif. Kaedah ini sangat efektif diaplikasikan dalam program kepimpinan, membina sahsiah ataupun merubah mindset seseorang. Dalam menangani masalah sosial dalam kalangan belia, negara tidak mempunyai ramai '*professional coach*' yang bertauliah dan mempunyai kepakaran dalam kaedah latihan yang melibatkan perubahan minda atau sikap. Kajian mencadangkan agar lebih ramai tenaga manusia diambil dan dilatih untuk menjadi jurulatih profesional serta di tempatkan dalam NGO atau persatuan belia serta di jabatan atau agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan belia.

Dalam konteks pembentukan sahsiah pula, peranan ibu bapa, guru, masyarakat adalah sangat penting. Namun, kajian mencadangkan agar pendekatan pendidikan belia perlu diubah bersesuaian dengan generasi mereka. Penyampaian ilmu pendidikan secara kreatif boleh dibuat secara intrinsik dalam program ceramah pendidikan yang sesuai dengan jiwa belia masa kini. Begitu juga, proses pembinaan sahsiah boleh juga dilakukan dalam program khas TV seperti Pencetus Ummah, Daie, Ustazah Pilihan, Kalau Dah Jodoh dan berbagai program realiti TV yang lain. Program yang berbentuk hiburan seperti Raja Lawak sebenarnya boleh digunakan sebagai pentas membina sahsiah sekiranya tema yang tepat dipilih pada setiap minggu. Program Dikir Zikir serta Selawat Perdana boleh menjadi medium dalam penanaman nilai-nilai murni serta sahsiah yang baik dalam kalangan belia.

### **Penglibatan dalam Program/Aktiviti Luar**

Bagi mengurangkan atau membasmi masalah sosial dalam kalangan belia, beberapa program yang berbentuk fizikal yang merupakan aktiviti luar perlu diperbanyakkan. Ini kerana belia yang sibuk dan tidak mempunyai masa senggang yang banyak tidak mudah terlibat dengan masalah sosial. Di samping itu, melalui program tersebut, interaksi antara belia akan menjadi rancak. Keadaan ini baik untuk tujuan memperbaiki hubungan antara kaum sekiranya program tersebut disertai oleh belia pelbagai kaum.

Program FIT Malaysia adalah di antara program yang wajar dan perlu diteruskan dengan menggalakkan lebih ramai belia dan masyarakat menyertainya. Badan yang sihat serta minda yang sihat

akan mampu mencegah seseorang daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat seperti menghisap rokok/vape, mengambil minuman beralkohol, menyalahgunakan dadah dan sebagainya. Kempen satu pelajar, satu sukan oleh Kementerian Pendidikan adalah satu inisiatif yang baik. Walaupun pada permulaannya, pelajar tidak suka kerana dipaksa, lama-kelamaan ada di antara mereka yang boleh menjadikan sukan sebagai satu pilihan kerjaya. Budaya hidup sihat juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kos menjaga kesihatan, pada masa yang sama dapat meningkatkan produktiviti golongan belia Malaysia. Kajian mencadangkan agar satu hari dalam seminggu diisytiharkan sebagai hari sukan nasional seperti mana yang diamalkan di negara jiran, Thailand.

Selain daripada aktiviti luaran berbentuk sukan, kajian mencadangkan agar lebih banyak aktiviti kemasyarakatan dibuat dengan melibatkan belia pelbagai kaum. Program berasaskan masyarakat akan dapat meningkatkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia di samping dapat mengukuhkan semangat muhibbah bagi meningkatkan perpaduan serta merapatkan jurang dalam masyarakat. Namun, bentuk program perlu direkayasa dengan memilih pendekatan baru yang lebih sesuai dengan generasi belia masa kini. Program kemasyarakatan seperti gotong-royong sudah tidak lagi mendapat sambutan daripada kalangan belia. Belia hari ini lebih cenderung kepada kerja sosial yang dapat memberi impak dalam jangka masa panjang serta dapat membawa pembangunan komuniti tersebut ke aras yang lebih tinggi. Kajian juga mencadangkan agar program-program rakan muda diolah kembali dan diberi nafas baru agar ia menarik lebih ramai belia untuk menyertainya. Tujuan serta matlamat program rakan muda adalah baik, cuma pendekatannya perlu diubah agar dapat memenuhi cita rasa belia masa kini.

Akhir sekali, kajian mencadangkan supaya penguatkuasaan undang-undang diberi perhatian sewajarnya. Ini adalah kerana pemantauan serta penguatkuasaan yang tidak dibuat secara berkala dan berterusan akan memberi lebih ruang dan peluang kepada belia untuk terjebak melakukan perkara-perkara yang negatif. Tindakan devian belia boleh dibendung melalui penguatkuasaan undang-undang namun ia perlu dibuat dalam konteks mendidik dan bukan menghukum. Belia adalah aset kepada negara dan penentu kepada pencapaian visi dan misi negara. Justeru, melahir serta membentuk insan belia yang progresif, dinamis, mempunyai jati diri serta berfikiran terbuka seharusnya menjadi agenda terpenting negara.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2004. Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak belia: kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar. Dalam talian: <http://Repo.Uum.Edu.My/Id/Eprint/1821>
- Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi & Mascilla Hamzah. 2011. Masalah salah laku agresif di kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 77-93.
- Auerback, R.P., Kertz, S. & Gardiner, C.K. 2012. Predicting adolescent risky behavior engagement: The role of cognitive vulnerability and anxiety. *International Journal of Cognitive Therapy*, 5, (Special Section: Cognitive Vulnerability, Stress, and Symptom Specificity in Children and Adolescents), 300-315.
- Azizi Yahya & Rosnah Buang (nd). Punca berlakunya masalah gejala gengsterisme di kalangan belia di beberapa buah sekolah menengah di empat buah negeri. Dalam talian: <http://eprints.utm.my/1483/1/FAKTOR-jurnal1.pdf>
- Chin Pek Lian, Low Li Chueen & Vivian Low Yen Yeong. 2005. Isu-isu masalah disiplin pelajar : pendekatan dan penyelesaian. Dalam talian: <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/5.IsuPendidikan05/Kertaspenuh/Kertas%2018.pdf>
- Chuang, Y., Ennett, S. T., Bauman, K. E., & Foshee, V. A. 2005. Neighborhood influences on adolescent cigarette and alcohol use: Mediating effects through parent and peer behaviors. *Journal of Health and Social Behavior*, 46, 187-204.
- Cubbin, C., Santelli, J., Brindis, C. D., & Braveman, P. 2005. Neighborhood context and sexual behaviors among adolescents: Findings from the National Longitudinal Study of Adolescent Health. *Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 37, 125-134.
- Eamon, M. K. 2001. Poverty, parenting, peer and neighborhood influences on young adolescent antisocial behavior. *Journal of Sosial Service Research*, 28, 1-23.
- Gan Swee Eng. 2013. Faktor-faktor mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah menengah di zon Labis, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Johor.
- Guerrero, A.P.S., Nishimura, S.T., Chang, J. Y., Ona, C. Vanesa, L. C. & Hishinuma, E.S. 2009. Low cultural identification, low parental involvement and adverse peer influences as risk factors for delinquent behaviour among Filipino youth in Hawai'i. *International Journal of Social Psychiatry*, 1-18.
- Hanin Falina Mohd Hashim & Siti Nor Lailiyah Ibrahim. 2014. Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. Kolokium Penyelidikan & Inovasi, Wilayah Selangor.
- Hanina H. Hamsan & Mastura Mohamad. 2010. Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab dan Intervensi. Putrajaya: IPPBM.
- Harlina Harliza Siraj, Hanina H. Hamsan, Khaidzir Ismail & Mohd. Zaki Ibrahim. 2012. Risk and protective factors affecting adolescent reproductive and sexual health in Peninsular Malaysia. Unpublished research report. LPPKN: Kuala Lumpur

- Hirschi, T. 1977. Causes and prevention of juvenile delinquency. *Sociological Inquiry*, 47, 322-341.
- Kementerian Belia dan Sukan. 2015. Indeks Belia Malaysia: Mengukur kesejahteraan hidup belia Malaysia. <http://www.iyres.gov.my/images/indeksbeliamalaysia2015/IBM2015full.pdf>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2013. Garis panduan pengendalian penyalahgunaan Amphetamine Type Stimulant (ATS) dan Psikostimulant lain di peringkat primer dan komuniti. Putrajaya.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. Ringkasan kandungan cecair rokok elektronik dan vape. Fakta dan maklumat berkaitan rokok elektronik dan vape. 13 November 2015. [www.jknperak.moh.gov.my/v4/index.php/my](http://www.jknperak.moh.gov.my/v4/index.php/my)
- McLoyd, V.C. 1998. Socioeconomic disadvantage and child development. *American Psychologist*, 53, 185-204.
- Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil. 2010. Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber. Dalam: *Persidangan Program Jenayah Cyber dan Isu Perdagangan manusia di Malaysia*, 26 Aug 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. [www.eprints.ums.edu.my/117/](http://www.eprints.ums.edu.my/117/)
- Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi & Steven Eric Krauss. 2010. Penglibatan belia dalam fenomena mat rempit: implikasi terhadap praktis pembangunan belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, (3), 193-224.
- Nor Syamaliah Ngah & Bahiyah Ishak. 2013. Jenayah siber di Malaysia. *Buletin Akademik, UiTM (Terengganu)*.
- Peterson, C.H., Buser, T.J., & Westburg, N.G. 2010. Effects of familial attachment, sosial support, involvement, and self-esteem on youth substance use and sexual risk taking. *The Family Journal*, (18), 369.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. 2008. Punca, kesan dan langkah untuk menangani tingkah laku seksual pelajar mengikut pendekatan kaunseling Islam. *Kertas kerja. Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. (UPSI)*, 2-4 Jun 2008.
- Swahn, M. H. & Bossarte, R.M. 2009. Assessing and quantifying high risk: Comparing risky behaviors by youth in an urban, disadvantaged community with nationally representative youth. *Public Health Reports*, (2), 124.
- Tolan, P.H., & Henry, D. 1996. Patterns of psychopathology among urban-poor children: Co-morbidity and aggression effects. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 64, 1094-1099.
- Utusan Malaysia. 23 November 2015. 20 Universiti awam haramkan guna vape. <http://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/20-universiti-awam-haramkan-guna-vape-1.161423>
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 115-140.
- Zamzuri Abdul Majid. 2003. Tingkah laku delinkuen di kalangan mahasiswa universiti. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia. (Tidak diterbitkan).